

14/04/1997

MT tidak desak Muhammad letak jawatan

MUAR, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak pernah mendesak Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib supaya meletakkan jawatan sejak beliau dikaitkan dengan tuduhan di Mahkamah Australia.

Sebaliknya tindakan itu adalah atas kerelaan Muhammad sendiri yang tidak mahu melihat nama baik Umno dikaitkan sepanjang tempoh dia menghadapi perbicaraan tuduhan berkenaan.

Ahli Majlis Tertinggi yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz, berkata keputusan Muhammad itu menunjukkan beliau mengutamakan kepentingan parti melebihi peribadinya.

"Pandangan yang diberikan ahli MT dalam mesyuarat semalam adalah mewakili pandangan umum dan tiada desakan (supaya peletakkan jawatan) yang dibuat sepanjang perjumpaan itu.

"Cuma Tan Sri Muhammad merasakan beliau tidak mahu membabitkan nama baik Umno ke kancah perbicaraan mahkamah yang boleh menjejaskan parti dan kerajaan," katanya.

Beliau menjelaskan perkara itu kepada pemimpin peringkat Cawangan dan Bahagian Umno Muar ketika berucap merasmikan mesyuarat cawangan secara berkelompok di sini, pagi ini.

Mohd Nazri berkata, keputusan yang dibuat oleh Muhammad sememangnya berat tetapi wajar dan mulia kerana kesediaannya untuk menjaga nama Umno melebihi segala-galanya.

"Tindakan Muhammad meletakkan jawatan yang dilantik dalam Barisan Nasional (BN) dan pentadbiran Umno juga bagi membolehkan semua urusan kerajaan dan parti berjalan tanpa sebarang masalah.

"Kesediaan pemimpin Umno mengutamakan kepentingan parti sudah berlaku sejak dua tahun lalu apabila Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Rahim Thamby Chik menghadapi masalah dulu," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, beliau berkata tindakan Muhammad tiada kaitan sama ada berat atau ringan tuduhan yang dihadapinya, tetapi dilakukan demi kepentingan Umno.

Katanya, arahan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini mahukan setiap pemimpin Umno mesti bersih serta dilihat bersih sepanjang masa.

(END)